

Dr M cadang ubah sistem pengajaran

BH - 9/9/2005

GEORGETOWN: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, seluruh sistem pengajaran di sekolah wajar dirombak dan diperbaharui bagi melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran komunikasi yang tinggi.

Bekas Perdana Menteri berkata, sistem persekolahan berorientasikan peperiksaan tidak relevan untuk kemahiran komunikasi kepada pelajar kerana hanya perlu menanda jawapan dan bukan menulis esei atau ujian lisan.

"Budaya segelintir rakyat Malaysia yang agak pemalu, menyebabkan mereka tidak berupaya memberikan pendapat dengan baik dan ini memerlukan pengajaran khas di sekolah dan sistem berorientasikan peperiksaan tidak baik untuk kemahiran komunikasi," katanya selepas menyampaikan syarahan di Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP-MSK) di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga pelopor kewujudan MSK berkata, sistem pengajaran lama wajar diubah menggunakan kaedah baru membitkan aplikasi komputer kerana negara memiliki kepakaran teknologi maklumat (IT).

Katanya, bagi mencapai tujuan itu, kerajaan juga harus melatih lebih ramai guru yang mahir mengajar menggunakan perisian komputer yang kemudian bertanggungjawab me-

ngajar guru lain termasuk pelajar.

"Kita memiliki teknologi baru yang harus diaplikasikan bagi menjawab pertanyaan sejauh mana kita dapat menggunakan dan menerapkannya dalam pengajaran.

"Saya fikir sistem ini tidak mengambil masa lama dan tidak membebankan guru," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, rakyat juga perlu berusaha mempelajari bahasa Inggeris dan menguasainya dengan baik bukan saja untuk berkomunikasi tetapi juga mempelajari teknologi baru.



Rakyat perlu mempelajari bahasa Inggeris dan menguasainya dengan baik bukan saja untuk berkomunikasi tetapi mempelajari teknologi baru.

Tun Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

Katanya, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memerlukan pemahaman sepenuhnya mengenai peraturan dan arahan yang terkandung dalam sesuatu teknologi dengan ditulis dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu menerima saintis luar yang mampu membantu Malaysia menjadi peneraju dan pencipta dalam pelbagai bidang kerana ketika ini negara kekurangan pakar atau pengalaman yang boleh dijadikan panduan.

Beliau berkata, sebahagian besar saintis yang bekerja di Lembah Silikon adalah rakyat asing yang diberi kemudahan melakukan kerja penyelidikan serta memaksimumkan kepakaran dalam bidang tertentu.

"Albert Einstein bukan rakyat Amerika tetapi diberi kerakyatan dan kemudahan untuk melakukan penyelidikan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Amerika Syarikat yang penduduknya lebih ramai daripada Malaysia turut menerima kehadiran saintis asing dan menggunakan mereka untuk mengekalkan penguasaan sains dan teknologi.

"Ini bukan bermakna saintis asing akan merampas hak mereka tetapi menggunakan kepakaran mereka bagi meningkatkan daya saing negara. Jika kita tak ambil mereka, negara lain mendapatkan khidmat mereka," jelasnya.

PERDANA
MENTERI
MAYASA
KERIMPINAN
PERDANA